



Lebih 30 kediaman dinaiki air manakala **sebahagian kenderaan milik penduduk mengalami kerosakan** selepas tembok kediaman runtuh dalam kejadian banjir kilat di Kampung Laksamana, Selayang, petang semalam.

Kuala Lumpur dilanda banjir kilat

Kuala Lumpur: Lebih 30 rumah teres di Jalan 11, Kampung Laksamana, Selayang, dimasuki air manakala empat kenderaan penduduk rosak, dilanda banjir kilat apabila air Sungai Ulu Yam melimpah, petang semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.50 petang itu, sebuah jentera bomba dengan sembilan anggota dan pegawai dari Balai Bomba Selayang dikejarkan ke lokasi kejadian dengan dibantu sepasukan polis selepas menerima panggilan kecemasan pada jam 3.53 petang.

Pegawai Operasi Balai Bomba Selayang, Narmizi Hamzah, berkata pihaknya terpaksa membawa keluar seorang warga tua berusia dalam lingkungan 70-an dan seorang bayi yang baru dilahirkan dari dua

“
Tiada arahan pemindahan dikeluarkan selepas paras air hanya mencatatkan ketinggian maksimum 0.4 meter, yang juga paras tidak merbahaya sebelum air mulai surut pada jam 4.30 petang”

Narmizi Hamzah
Pegawai Operasi Balai Bomba Selayang

unit kediaman apabila rumah mereka dinaiki air sedalam 0.4 meter.

“Tiada arahan pemindahan dikeluarkan selepas paras air hanya mencatatkan ketinggian maksimum 0.4 meter, yang juga paras tidak merbahaya sebelum air mulai surut pada jam 4.30 petang.

Kerosakan kecil

“Bagaimanapun empat kenderaan milik penduduk di kampung berkenaan mengalami kerosakan kecil selepas tembok dinding sebuah kediaman runtuh dan menghempap bahagian belakang dan hadapan kenderaan yang diletakkan di situ tetapi tiada kemalangan jiwa dilaporkan,” katanya.

Katanya bomba dan polis melakukan pemantauan di ka-

wasan berkenaan sehingga jam 6 petang bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan termasuk membantu membawa keluar mereka yang menghadapi masalah kesihatan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdullah, berkata keadaan di sekitar Gombak terutamanya Kampung Laksamana, Selayang, terkawal selepas hujan berhenti kira-kira jam 5 petang semalam.

“Kejadian dikenal pasti berpunca daripada limpahan air di Empangan Ulu Yam, menyebabkan air Sungai Ulu Yam turut melimpah dan berlaku banjir, namun semua terkawal dan penduduk bertungkus-lulus membersihkan kediaman masing-masing,” katanya.